

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 SEPTEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 5

Inflasi Malaysia meningkat kepada 4.7 peratus ogos lalu

# Inflasi Malaysia meningkat kepada 4.7 peratus Ogos lalu

**Kuala Lumpur:** Kadar inflasi Malaysia pada Ogos meningkat kepada 4.7 peratus berbanding 4.4 peratus pada Julai, berikutan fenomena global yang turut dialami kebanyakan negara disebabkan kenaikan input pengeluaran dan harga bahan api.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata pada bulan lalu, kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat sebanyak 7.2 peratus.

Kenaikan ini, katanya didorong oleh komponen makanan di luar rumah yang meningkat 8.4 peratus, manakala makanan di rumah meningkat 6.4 peratus.

"Bagaimanapun, masih terdapat beberapa barang makanan mencatatkan penurunan harga berbanding Julai lalu seperti ayam (3.8 peratus), ikan siakap (2.4 peratus) dan sayur-sayuran seperti timun (4.6 peratus), kacang buncis (3.6 peratus) dan kubis bulat (2.6 peratus)," katanya dalam satu kenyataan.

Mustapa berkata, kadar inflasi Malaysia antara yang paling rendah di dunia.

Beliau menambah, inflasi pada Ogos 2022 di zon Euro adalah 9.1 peratus, Amerika Syarikat (8.3 peratus), Thailand (7.9 peratus), Filipina (6.3 peratus) dan Korea Selatan (5.7 peratus).

"Kadar inflasi lebih rendah di Malaysia adalah hasil daripada langkah kerajaan Keluarga Malaysia untuk menyediakan subsidi terbesar dalam sejarah negara," katanya.

Bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini, inflasi negara naik 3.1 peratus, masih selari dengan jangkaan pasaran untuk kadar inflasi 3.2 peratus bagi 2022.

Ini didorong permintaan dalam negeri yang kukuh, harga komoditi yang masih pada tahap tinggi dan gangguan dalam rantai bekalan global.

### Teruskan subsidi

Mustapa berkata, kerajaan melalui Pasukan Khas Jihad Tangan Ni Inflasi sudah mengambil langkah dan inisiatif untuk membendung inflasi serta memastikan rakyat tidak terlalu terbebani dengan kenaikan kos sara hidup.

Beliau berkata, antara langkah terkini diambil termasuk meneruskan kawalan harga ayam dan telur ayam serta pemberian subsidi perternakan yang dianggar RM1.1 bilion dan meneruskan kawalan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol berdasarkan harga minyak sawit mentah dunia.

Kerajaan juga, katanya meneruskan kawalan harga bagi komoditi seperti beras dan gula pu-

tih bertapis walaupun harga komoditi itu serta harga gas asli antara faktor kos utama dalam input pengeluaran meningkat.

"Meneruskan pemberian subsidi bahan api dan tenaga kepada produk petroleum, iaitu RON95, diesel dan gas cecair asli dengan subsidi lebih RM31 bilion.

"Kerajaan turut memberi subsidi tarif elektrik RM5.8 bilion bagi mengawal kenaikan tarif elektrik walaupun harga bahan api dan gas dunia meningkat.

"Meneruskan subsidi minyak masak paket satu kilogram pada kadar RM2.50 berbanding harga sebenar satu kilogram RM7 hingga RM9 serta memperluaskan Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJMKM) kepada semua Dewan Undangan Negeri (DUN)."

"Sebanyak 512 DUN atau 80.1 peratus daripada 639 DUN sudah bermula PJMKM sejak pertengahan Ogos 2022. Keluarga Malaysia boleh mendapatkan barang sehingga 20 peratus lebih murah daripada harga pasaran setempat. Harga yang murah ini adalah manfaat secara langsung subsidi harga membabitkan pruruntukan RM100 juta," katanya.

Di samping itu, Mustapa berkata kerajaan akan memberi tumpuan kepada memperkuatkan sekuriti makanan negara.